|  | Aktiviti | Ikon | Contoh |
|---|---|---|---|
| 1. | Aktiviti |  | Bulatkan perkataan yang digunakan pada permulaan "soalan tertutup".<br><br>Mengapa Di mana Bila<br>Apa Bagaimana |
| 2. | Tugasan |  | Bandingkan inflasi dan stagflasi dengan merujuk kepada buku A & C dan www.xyz.com. Tuliskan satu laporan mengenai perkara di atas dalam 600 patah perkataan. |
| 3. | Audio |  | Muat CD-Audio yang diberi dengan bahan kursus dan buka fail xyz.mp3. Mainkan mesej yang direkodkan dan jawab soalan-soalan dalam bab 2.4, halaman 34. |
| 4. | Kajian Kes |  | Baca kajian kes dibawah berkenaan "Adidas versus Adventa" mengenai kesalahan hak cipta. Selepas itu, jawab soalan-soalan di bawah. Tugasan ini memerlukan 45 –60 minit. |
| 5. | Maklum Balas |  | Bagus! Anda telah selesaikan kesemua aktiviti dalam bab ini dan saya berharap anda dapat menjawabnya dengan betul. Berikut ialah contoh cadangan jawapan. Jikalau hasil kerja anda mempunyai kebanyakan kata kunci tersebut, hasil kerja anda adalah memuaskan. |
| 6. | Tatabahasa |  | Isi tempat kosong dengan menggunakan penjodoh bilangan dalam kotak. (Anda boleh menggunakan penjodoh bilangan tersebut berulang kali)<br><br>helai buah biji<br><br>1. Ibu sedang menjahit se__________ baju.<br><br>2. Kamal sedang menunggang se__________ basikal. |
| 7. | Multimedia |  | Sila mainkan "Flash file" yang disertakan dalam *WawasanLearn* dan jawab soalan berikut … . Hantar jawapan anda kepada tutor menerusi panel perbincangan tutorial. |
| 8. | Bacaan |  | Sila baca "Kaedah dan faktor penyebaran bahasa" pada halaman 236 buku teks anda. |

| | Aktiviti | Ikon | Contoh |
|---|---|---|---|
| 9. | Peringatan |  | Penerangan mengenai sistem 'e-daftar' dalam bab 2.1 yang anda telah baca boleh digunakan sebagai panduan untuk menjawab soalan 2a dalam Kerja Kursus 2. Sila jawab Kerja Kursus 2 secepat mungkin. |
| 10. | Latihan Kendiri |  | Jawab soalan berikut menggunakan perkataan anda. Jangan rujuk kepada cadangan jawapan di akhir unit melainkan anda telah selesai menjawab soalan-soalan dalam latihan kendiri. |
| 11. | Rumusan |  | Secara umumnya kita sudah mempelajari ciri-ciri penulisan dan bagaimana untuk menulis sebuah karangan dalam unit ini. Sebelum kita mengakhiri bab ini, sila pastikan anda sudah dapat membezakan format-format setiap karangan. |
| 12. | Maklum Balas Telefon |  | "Hi! Saya Roger, tutor anda untuk *WLA 333/03*… Saya telefon anda untuk pastikan sama ada anda telah menerima e-mel saya …<br><br>ATAU<br><br>Sila hubungi tutor anda dalam masa 2 minggu yang akan datang untuk mendapatkan bantuan. |
| 13. | Tutorial |  | Sila rujuk kepada soalan berikut dan buat persediaan untuk tutorial anda.<br><br>"Terangkan EMPAT aktiviti ekonomi yang penting dalam menjayakan Polisi Baru Ekonomi dalam masa 20 tahun." |
| 14. | Video |  | Muatkan VCD yang disertakan bersama bahan kursus dan buka fail xyz.wma. Mainkan video dan jawab soalan di bab 4.2, halaman 53. |
| 15. | Perbendaharaan Kata |  | **Teka Maksud Perkataan**<br>Dengan merujuk kepada perkataan bergaris dalam petikan, tulis nombor setiap perkataan tersebut bersebelahan sinonimnya. Soalan pertama telah diberi jawapan sebagai contoh. |
| 16. | Rujukan Internet |  | Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai proses evolusi bahasa Melayu dan latihan-latihan yang disediakan, sila berkunjung ke laman web:<br><br>http://www.dbp.gov.my<br>http://www.pnm.my |

* Tidak semua ikon-ikon ini digunakan dalam bahan-bahan pengajaran.